

GREENPEACE SOUTHEAST ASIA BERHAD
Level 5-3A, Menara Sentral Vista
150 Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-2276 2022

13 Ogos 2025

Datuk Seri Johari Abdul Ghani
Menteri Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Block F11, Kompleks F,
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,
62000 Putrajaya, Malaysia

**SOKONGAN MALAYSIA TERHADAP PERJANJIAN GLOBAL PLASTIK DI
INC-5.2 , GENEVA, SWITZERLAND**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas, Jawatankuasa Perundingan Antara Kerajaan mengenai Pencemaran Plastik (INC-5) pada sesi kelima telah ditangguhkan tanpa menghasilkan teks akhir, dan dijadualkan bersambung semula pada minggu ini ("INC-5.2") dengan harapan untuk mencapai perjanjian muktamad di Geneva, Switzerland.

2. Kami memohon agar Menteri **menyokong pengurangan dalam pengeluaran dan penggunaan plastik, dan memajukan sistem-sistem pengisian dan penggunaan semula serta langkah-langkah yang berkaitan untuk membentuk sebuah perjanjian yang bermakna.** Sebenarnya, Malaysia telah menghadapi pencemaran plastik yang amat serius. Kami menghargai kepimpinan pihak YB Menteri dan NRES dalam usaha membanteras kemasukan sisa plastik import, dan langkah penyusunan semula beberapa agensi berkaitan pengurusan sisa plastik bagi memastikan pelaksanaan dasar yang berkesan. Jadi, kami menggesa Malaysia untuk memainkan peranan kepimpinan dalam memastikan perjanjian global ini memberi impak positif kepada manusia dan alam sekitar.

3. **Negara-negara Ahli sepatutnya mencapai kata sepakat terhadap satu perjanjian yang berwawasan tinggi di INC-5.2.** Terdapat lebih 100 kerajaan menyokong perjanjian yang bermakna di INC-5, dan berjaya mengelakkan perjanjian yang lemah. Negara-negara Ahli sedar bahawa elemen-elemen penting adalah untuk mencapai Perjanjian Global Plastik yang kukuh, dan kini kita berada hampir mencapai perjanjian akhir. Kita perlukan kepimpinan politik yang tegas untuk menggerakkan momentum ini dan berharap bahawa Menteri akan memikul peranan penting ini. Sejak INC-5, bukti tambahan telah

menunjukkan kewujudan mikroplastik dalam jantung manusia, sumber air¹, garam dan gula². Plastik akan mengancam kesihatan manusia di peringkat global, dan kita tidak boleh berlelah lagi terhadap fakta tersebut.

4. Cadangan yang paling penting untuk dipersetujui kekal sebagai sasaran global untuk mengurangkan pengeluaran plastik. Pengeluaran plastik di peringkat global yang tidak terkawal menimbulkan risiko kewangan³, melemahkan ekonomi kitaran yang sebenar⁴, dan mendorong ancaman terhadap kesihatan manusia⁵ ⁶, kemusnahan ekosistem, serta perubahan iklim yang berterusan⁷. Langkah pengurangan permintaan dan pengurusan sisa yang dipersetujui dalam Perjanjian Global Plastik tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa peraturan dari sudut penawaran yang merangkumi pengurangan pengeluaran plastik secara keseluruhan.

5. Namun begitu, tiada apa yang dipersetujui sehingga semuanya dipersetujui. Kerajaan mesti bersetuju dengan sasaran pengeluaran global sebagai sebahagian daripada pakej langkah-langkah yang merangkumi komitmen jelas mengenai cara pelaksanaan, termasuk kewangan. Kita tidak boleh berhasrat tinggi dalam satu aspek tetapi tidak dalam aspek yang lain — Perjanjian ini mestilah memberi manfaat untuk membolehkan pelaburan sumber yang wajar.

6. Sehubungan itu, Greenpeace Southeast Asia memohon agar pihak Menteri dan pegawai-pegawai NRES yang berada di Palais de Nations, Geneva, Switzerland dengan mandat yang jelas untuk menyokong satu Perjanjian yang:-

- Menetapkan sasaran global untuk mengurangkan pengeluaran plastik, tertakluk kepada semakan berkala dan disokong oleh langkah-langkah nasional untuk mencapai sasaran tersebut serta pelaporan wajib;
- Menetapkan kewajipan yang mengikat untuk menghapuskan produk plastik dan bahan kimia yang tersenarai dalam lampiran yang digunakan atau terkandung dalam plastik;
- Menetapkan sasaran penggunaan semula dan merangkumi rujukan kepada sistem guna semula dalam teks perjanjian;
- Memastikan Mesyuarat Para Pihak (*Conference of the Parties*) mempunyai keupayaan untuk mengundi jika segala usaha untuk mencapai konsensus telah gagal;

¹ <https://www.sciencedirect.com/science/article/abs/pii/S0048969718330663>

² <https://www.sciencedirect.com/science/article/abs/pii/S0889157523001357> dan <https://pubs.acs.org/doi/abs/10.1021/acs.est.5b03163>

³ <https://cilive.com/commodities/chemicals/thought-leadership/240429-conferences-europes-ethylene-rationalization-begins-more-closures-needed>

⁴ https://plasticpolicy.port.ac.uk/wp-content/uploads/2023/05/Making-reuse-a-reality-report_GPPC.pdf

⁵ <https://zenodo.org/records/10701706>

⁶ <https://annalsofglobalhealth.org/articles/10.5334/aogh.4056>

⁷ <https://energyanalysis.lbl.gov/publications/climate-impact-primary-plastic>

- Menyokong dana baharu yang memenuhi syarat-syarat tertentu dari segi tadbir urus, reka bentuk serta menyediakan sokongan kewangan mencukupi untuk kos pematuhan dan pelaksanaan;
- Mengambil pendekatan berasaskan hak asasi manusia dan meletakkan Hak Orang Asli sebagai teras dalam proses dan pelaksanaan Perjanjian.

7. Para saintis⁸, masyarakat awam⁹, dan komuniti yang terkesan oleh pencemaran dan pengeluaran plastik, kumpulan masyarakat sivil serta semakin banyak perniagaan merentasi sektor¹⁰ telah menyuarakan sokongan terhadap satu Perjanjian yang mengikat secara sah bagi menangani kesan buruk plastik sepanjang kitar hayatnya, bermula dari peringkat pengeluaran polimer plastik utama. Semasa INC-5, Gabungan Perniagaan untuk Perjanjian Plastik Global (*Business Coalition for a Global Plastics Treaty*), termasuk Coca Cola, Unilever dan lain-lain telah menyatakan sokongan yang kuat terhadap pakej perjanjian yang bermakna termasuk sasaran pengurangan pengeluaran.¹¹ Perjanjian Plastik Global yang kukuh berpotensi menjadi titik tolak yang tepat dan mengelakkan bahaya yang lebih besar kepada manusia dan planet ini.

Greenpeace Southeast Asia berharap Malaysia akan memimpin ASEAN dalam usaha menghapuskan pencemaran plastik dan memanfaatkan peluang bersejarah ini.

Yang benar,



Veerawit Tianchainan
Pengarah Eksekutif
Greenpeace Southeast Asia

⁸ <https://ikhapp.org/material/primary-plastic-polymers-urgently-needed-upstream-reduction/>

⁹ <https://www.greenpeace.org/static/planet4-international-stateless/2024/04/aaa6997d-survey-results-global-plastics-treaty.pdf>

¹⁰ <https://championsofchange.breakfreefromplastic.org/endorsers/>

¹¹ Shared in 'The Business Coalition for a Global Plastics Treaty reflections on the INC Chair's proposal', 30/11/2024.

Not publicly available